

**SEMAKAN HARGA GAS ASLI  
BAGI SEKTOR BUKAN ELEKTRIK  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

1. Kerajaan mengambil langkah meneruskan pelaksanaan semakan harga gas asli yang dikawal selia bagi sektor bukan elektrik di bawah pelan rasionalisasi subsidi negara di mana subsidi harga gas asli dikurangkan secara beransur-ansur sebanyak RM1.50/mmBtu setiap enam bulan sehingga mencapai harga pasaran.
2. Berikutan pengurangan subsidi harga gas asli yang dikawal selia tersebut serta peningkatan unjuran isipadu gas asli berasaskan *liquefied natural gas* (LNG), tarif asas purata gas asli Gas Malaysia Berhad (GMB) ditetapkan pada kadar RM31.92/mmBtu bagi tempoh Julai hingga Disember 2018 sebagaimana yang telah dimaklumkan kepada pelanggan-pelanggan GMB pada Disember 2016. Tarif asas ini ditetapkan di bawah kerangka kerja kawal selia berasaskan insentif (*Incentive-Based Regulation* - IBR) yang turut merangkumi pelaksanaan mekanisme *Gas Cost Pass-Through* (GCPT).
3. Melalui pelaksanaan mekanisme GCPT, Kerajaan turut memutuskan supaya surcaj sebanyak RM0.77/mmBtu daripada tarif asas dilaksanakan kepada kesemua kategori tarif pelanggan GMB berikutan perubahan harga sebenar gas asli berasaskan LNG yang melebihi harga yang diunjurkan di dalam tarif asas di dalam tempoh semakan GCPT.
4. Sehubungan itu, jadual kategori tarif gas asli bagi tempoh Julai hingga Disember 2018 ditetapkan seperti berikut:

Kategori Tarif	Purata Penggunaan Gas Tahunan (mmBtu)	Tarif Asas Semasa (RM/mmBtu)	Tarif Asas Bagi Tempoh 1 Julai - 31 Disember 2018 (RM/mmBtu)	Tarif Selepas Surcaj Bagi Tempoh 1 Julai - 31 Disember 2018 (RM/mmBtu)
A	Pengguna domestik	22.30	23.03	23.80
B	0 - 600	28.78	29.73	30.50
C	601 - 5,000	28.93	29.88	30.65
D	5,001 - 50,000	29.22	30.19	30.96
E	50,001 - 200,000	30.48	31.49	32.26
F	200,001 - 750,000	30.48	31.49	32.26
L	Melebihi 750,000	31.50	32.55	33.32
Purata		30.90	31.92	32.69